

Usah prejudis undang-undang Islam benar hukuman mati

- Sokong hukuman mati tidak abai hak asasi penjenayah, ketatkan prosedur siasatan, dakwaan, bicara dan penghakiman

- Undang-undang Islam benarkan hukuman mati dalam kes bunuh, rompak babitkan kematian, kesalahan takzir ditentukan kerajaan

- Perundangan Islam tetapkan syarat ketat, tahap pembuktian tinggi hingga umpama jelas dan nyata lihat matahari

Oleh Prof Datuk Dr Shamrahayu A Aziz
bhrencana@bh.com.my

Perubahan bentuk atau jenis hukuman adalah perubahan besar dalam pentadbiran keadilan jenayah. Hukuman dikenakan ke atas pesalah disabitkan adalah manifestasi kepada prinsip keadilan, sama ada keadilan kepada mangsa secara individu atau kepada kesejahteraan dan keselamatan negara.

Kebanyakan hukuman mati mandatori di negara kita adalah kesalahan serius seperti membunuh dengan niat atau membabitkan penggunaan senjata atau kesalahan terhadap Yang di-Pertuan Agong,

menyemarakkan hak asasi manusia.

Hujah menolak hukuman mati, termasuk kemungkinan berlakunya kesilapan dalam proses perbicaraan dan penghakiman; hukuman ini berbentuk penyeksaan; ia tidak terbukti berupaya mencegah jenayah; ia berbentuk balas dendam melalui undang-undang; hukuman mati adalah satu pelanggaran kepada hak untuk hidup dan falsafah keadilan Barat menggambarkan penjenayah sebagai pesakit serta tidak harus dihukum mati.

Larangan hukuman mati dikatakan sebahagian Undang-Undang Adat Antarabangsa. Penggunaan berterusan semua jenis hukuman mati adalah bercanggah dengan norma hak asasi manusia antarabangsa. Namun, undang-undang antarabangsa

Mereka juga berhujah bahawa dengan dikenakan hukuman mati, ia boleh menghalang si pelaku daripada mengulangi perbuatan mereka. Hukuman mati juga boleh mencegah orang lain daripada melakukan kesalahan sama.

Apabila kerajaan memutuskan untuk menghapuskan hukuman mati mandatori, terdapat kecenderungan untuk hukuman mati bukan mandatori juga secara beransur-ansur dihapuskan.

Keadaan ini boleh berlaku sama ada menerusi pindaan undang-undang atau secara konstruktif, iaitu hakim mengelak daripada menjatuhkan hukuman mati, walaupun ia dibenarkan undang-undang.

Jika dikaitkan dengan perundangan Islam, terdapat dua perkara utama perlu diberikan



Penyandang Kursi
Institusi Raja-Raja
Melayu, Universiti
Teknologi MARA
(UiTM)

Raja Pemerintah atau Yang di-Pertua Negeri.

Hukuman mati, sama ada mandatori atau pilihan, menjadi hukuman sekian lama diamalkan dan sebatu dalam prinsip pentadbiran keadilan jenayah di negara ini. Pastinya, untuk membuat keputusan menghapuskan hukuman mati mandatori ini kerajaan perlu melaksanakan kajian menyeluruh.

Keputusan ini seharusnya dibuat atas kepentingan negara, tidak dibuat semata-mata atas dasar mengadaptasi trend negara lain.

Pindaan undang-undang menukar hukuman mati mandatori kepada hukuman mati sebagai pilihan dimulakan pada 2017/2018 dengan meminda Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Hukuman menggantikan hukuman mati mandatori pada Seksyen 39B ialah hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sekiranya tidak dihukum mati, pesalah boleh disebut tidak kurang dari 15 sebatan.

Hukuman mati di bawah Seksyen 39B selepas pindaan adalah satu daripada pilihan hukuman disediakan undang-undang, manakala hakim diberikan kuasa budi bicara untuk memilih jenis hukuman.

Gerakan menghapuskan hukuman mati, sama ada mandatori atau pilihan bermula selepas Perang Dunia Kedua seiring dengan gelombang

selepas berakhirnya hukuman mati dan pelaksanaan hukuman mati secara mutlak, tetapi ada panduan dan sekatan ke atas pelaksanaannya. Ia boleh dibenarkan bagi kesalahan serius dan keji (*heinous*).

Bagi kumpulan menyokong hukuman mati dikesalkan, hukuman mati adalah bertujuan menjaga hak asasi itu sendiri. Sekiranya hak seseorang itu diceroboh, maka hak asasi mangsa hendaklah dijamin dengan menghukum penceroboh berkenaan. Sekiranya penjenayah membunuh mangsa, maka dia juga hendaklah dibunuh.

Kumpulan menyokong hukuman mati ini juga mengambil pendekatan agama, yang hukuman mati disahkan melalui petunjuk atau ajaran agama. Kumpulan ini tidak mengabaikan hak asasi penjenayah untuk mendapatkan jaminan keadilan.

Justeru, prosedur penyiasatan, pendakwaan, perbicaraan dan penghakiman hendaklah dijalankan dengan ketat. Proses ketat ini dapat mengelak berlakunya kesusilaan dalam menghukum.

Seterusnya, hukuman mati hanya boleh dilaksanakan selepas keterangan dibuktikan hingga tahap melampaui sebarang bayangan keraguan atau *beyond any shadow of doubt*, bukan sekadar melampaui sebarang keraguan munasabah (*beyond any reasonable doubt*).

“ Untuk membuat keputusan menghapuskan hukuman mati mandatori ini kerajaan perlu melaksanakan kajian menyeluruh ”



perhatian dalam soal pemansuhan hukuman mati.

Pertama, dari segi pemansuhan hukuman mati (mandatori atau pilihan) itu sendiri dan kedua, pemakaian sistem diyat atau difahami sebagai bayaran ganti rugi kepada mangsa atau keluarganya kerana sabitan menyebabkan kecederaan atau kematian.

Dalam hal hukuman mati, undang-undang Islam membenarkan hukuman mati, termasuk hukuman mati mandatori. Terdapat pandangan bahawa hukuman mati mandatori boleh dikenakan ke atas pesalah zina yang sudah berkahwin (muhsan).

Hukuman mati bukan mandatori dibenarkan oleh perundangan Islam dalam kes qisas membatikan bunuh dengan sengaja atau dengan niat membunuh; hirabah (rompakan membatikan pembunuhan) dan mungkin juga boleh diterima dalam kesalahan takzir (kesalahan ditetapkan pihak berkuasa atau pemerintah).

Bagi kesalahan bunuh dengan sengaja, keluarga mangsa diberikan peluang untuk memaafkan pesalah. Pesalah tidak dihukum mati dan dikenakan diyat.

Kita tidak boleh prejudis terhadap sistem keadilan Islam kerana membenarkan hukuman mati. Ini kerana berbeza dengan undang-undang konvensional, perundangan Islam menetapkan prinsip keterangan shahadah (kesaksian) dan pembuktian sangat ketat.

Contohnya, perundangan Islam menetapkan syarat ketat dan tahap pembuktian tinggi. Maknanya tiada langsung keraguan dan diumpamakan keterangan dan pembuktian sudah mencapai tahap seumpama melihat matahari, amat jelas dan nyata.

Dari sudut lain, dalam kes membatikan kematian dengan sengaja, Islam menggalakkan keluarga mangsa untuk memaafkan dan memberikan kemaafan itu adalah lebih baik. Justeru, hukuman mati bukan pilihan utama dalam sistem keadilan jenayah Islam. Pada keadaan ini, prinsip Islam nampaknya lebih jelas dalam menjaga hak asasi mangsa.

Kita harus lebih berhati-hati dalam menghapuskan semua hukuman mati, walaupun ia adalah trend sejagat. Bagi langkah seterusnya, adalah dicadangkan juga kerajaan meneliti undang-undang prosedur, termasuk undang-undang keterangan dan penghukuman bagi menjamin keadilan kepada semua pihak.